

11 MAR 2000

Mahathir-Pelancong

KERETA KABEL AKAN DIPERKENALKAN DI LANGKAWI

Pengurus Besar Lada Datuk Abdul Halil Mutalib berkata perkhidmatan kabel itu akan menghubungkan puncak Gunung Matcincang setinggi 708 meter dengan Perkampungan Oriental di Teluk Burau di sini.

Katanya cadangan itu akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi memandangkan ia mempunyai daya tarikan yang membolehkan pelancong dan orang ramai melihat keindahan keseluruhan pulau ini.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata projek pembangunan berkaitan sektor pelancongan yang sedang dan akan dilaksanakan di sini telah dapat menarik ramai pelancong.

"Saya lihat restoran di atas kelong di Teluk Burau di sini nampak popular semasa makan malam di situ malam tadi dan menarik ramai pelancong asing terutama dari Eropah yang suka makan di situ selepas berjemur panas di siang hari," katanya.

Sambil menyatakan keyakinan beliau bahawa Perkampungan Oriental akan dapat menarik ramai pelancong, Dr Mahathir meminta pemandu teksi dan bas tidak mengutip terlalu banyak komisyen apabila membawa pelancong ke tempat tertentu di Langkawi.

Katanya beliau juga telah melawat Perkampungan Kristal yang dimajukan oleh LangkawiiCrsytaal Sdn Bhd dan tempat merawat kapal layar yang menggunakan marina di Pulau Rebak.

Dr Mahathir berkata pengusaha kemudahan itu telah menerima banyak tempahan untuk membaiki kapal layar dan mula menerima bot dan kapal layar untuk tujuan itu akhir bulan ini.

Pengurus Besar Lada Datuk Abdul Halil Mutalib berkata perkhidmatan kabel itu akan menghubungkan puncak Gunung Matcincang setinggi 708 meter dengan Perkampungan Oriental di Teluk Burau di sini.

Katanya cadangan itu akan dikemukakan kepada kerajaan tidak lama lagi memandangkan ia mempunyai daya tarikan yang membolehkan pelancong dan orang ramai melihat keindahan keseluruhan pulau ini.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata projek pembangunan berkaitan sektor pelancongan yang sedang dan akan dilaksanakan di sini telah dapat menarik ramai pelancong.

"Saya lihat restoran di atas kelong di Teluk Burau di sini nampak popular semasa makan malam di situ malam tadi dan menarik ramai pelancong asing terutama dari Eropah yang suka makan di situ selepas berjemur panas di siang hari," katanya.

Sambil menyatakan keyakinan beliau bahawa Perkampungan Oriental akan dapat menarik ramai pelancong, Dr Mahathir meminta pemandu teksi dan bas tidak mengutip terlalu banyak komisyen apabila membawa pelancong ke tempat tertentu di Langkawi.

Katanya beliau juga telah melawat Perkampungan Kristal yang dimajukan oleh LangkawiiCrsytaal Sdn Bhd dan tempat merawat kapal layar yang menggunakan marina di Pulau Rebak.

Dr Mahathir berkata pengusaha kemudahan itu telah menerima banyak tempahan untuk membaiki kapal layar dan mula menerima bot dan kapal layar untuk tujuan itu akhir bulan ini.

-- BERNAMA

NH NAK